

PRIVATE TRIP

Banda Aceh - Sabang

DOLPHIN TRIP

WWW.JEJAKVACATION.COM





BANDA ACEH - SABANG

4 HARI 3 MALAM

HARI 1	**CITY TOUR (MT, MM)** • Setibanya anda di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Iskandar Muda, ketibaan anda akan disambut mesra oleh wakil kami. Perjalanan dimulakan dengan lawatan ke **Kuburan Massal Siron**, simbol ketabahan rakyat Aceh, diikuti dengan penerokaan budaya di **Muzium Aceh**. • Lawatan diteruskan ke mercu tanda paling ikonik, **Masjid Raya Baiturrahman**, lambang keagungan Islam dan kebanggaan Aceh, serta kunjungan ke **Kubah Masjid Ghurah**. • Seterusnya, menelusuri kisah perjuangan di **Muzium Rumah Cut Nyak Dien,** sebelum menikmati keindahan alam di **Pantai Lampuuk** dan lawatan ke **Masjid Rahmatullah Lampuuk**, masjid yang terselamat daripada tsunami
HARI 2	**SABANG (SP, MT, MM)** • Bertolak ke Pelabuhan Ulee Lheue untuk menaiki feri menyeberang ke **Pulau Sabang**. Setibanya di Sabang, perjalanan diteruskan ke Iboih untuk **Dolphin Trip,** iaitu menaiki bot untuk melihat sekumpulan ikan lumba-lumba di habitat semula jadinya. Kemudian, singgah di **Pulau Rubiah** untuk aktiviti snorkeling. • Menikmati makan tengah hari, kemudian melawat **Monumen 0 Kilometer Indonesia**, simbol titik paling barat negara tersebut. Lawatan diteruskan ke **Benteng Anoi Itam, Ujong Kareung**, serta **Pantai Sumur Tiga** (Freddie's) yang terkenal dengan pemandangan pantai yang menenangkan.



BANDA ACEH - SABANG

4 HARI 3 MALAM

HARI 3	**BANDA ACEH (SP, MT, MM)** • Menuju Pelabuhan Balohan Sabang untuk menyeberang ke Banda Aceh. Setibanya di Banda Aceh, perjalanan dimulakan dengan singgah untuk sesi foto di **Masjid Baiturrahim Ulee Lheue**, kemudian meneruskan lawatan ke **Muzium Tsunami Aceh** dan **PLTD Apung**. Selepas itu peserta akan menikmati makan tengah hari, dilanjutkan dengan melihat kapal yang tersangkut di atas rumah sebagai saksi peristiwa tsunami. • Seterusnya, peserta diberi masa untuk membeli-belah cenderamata khas Aceh, menikmati waktu santai dengan minum kopi, serta mengunjungi **Masjid Harun Keuchik Leumik.** Pada waktu malam, makan malam disediakan sebelum proses daftar masuk hotel, dan seterusnya acara bebas.
HARI 4	**AIRPORT (SP)** • Sarapan di hotel, kemudian peserta diberi masa bebas sehingga tiba waktu pemindahan ke **Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Iskandar Muda**.



BANDA ACEH - SABANG

4 HARI 3 MALAM

GROUND PACKAGE (TIDAK TERMASUK PENERBANGAN)

JUMLAH DEWASA	HARGA SETIAP DEWASA
2	RM 1,050
3	RM 990
4 - 15	RM 900

HOTEL (3*)

- Banda Aceh : Hotel Rasamala
- Sabang : Mata Ie Resort



BANDA ACEH - SABANG

4 HARI
3 MALAM

✅ PAKEJ TERMASUK

- PENGINAPAN HOTEL 3 BINTANG
- PEMANDU PELANCONG
- PENGANGKUTAN PERSENDIRIAN
- TIKET FERI PERGI DAN BALIK
- SARAPAN DI HOTEL
- PERALATAN SNORKELING
- TIKET MASUK
- DOLPHIN TRIP

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- TIKET PENERBANGAN
- MAKAN TENGAHARI DAN MAKAN MALAM (RM 200/PAX)
- SURCAJ MUSIM KEMUNCAK
- AKTIVITI PILIHAN
- INSURANS PERJALANAN

BANDA ACEH - SABANG

4 HARI
3 MALAM

KAEDAH PEMBAYARAN

Maybank

JEJAK VACATION NETWORKS SDN BHD

No Akaun : 562188325211

Sila sertakan bukti / slip pembayaran yang telah dibuat kepada konsultan atau boleh di emel terus ke shihab@jejakvacation.com

POLISI PEMBAYARAN

- Pilihan Pertama : **Bayaran Penuh**
- Pilihan Ke-2 :
  a. a) **Deposit** : RM 500 daripada tambang perlancongan
  b. b) **Bayaran ansuran di terima**
  c. c) **90 hari** : 50% daripada bayaran perlu dijelaskan
  d. d) **45 hari** : Bayaran penuh dari jumlah invois
- Sebelum buat apa-apa bayaran, dapatkan **invois** daripada pihak konsultan Jejak Vacation Networks dahulu.
- Sila hantarkan resit bayaran seperti gambar, fail PDF atau seumpamanya kepada konsultan Jejak Vacation yang berkaitan sebagai bukti pembayaran.
- Tidak ada pemulangan wang apabila pembayaran kedua sudah dibuat.
- Sebarang **pindaan** yang ingin dilakukan selepas tempahan sudah diluluskan, peserta dikenakan RM50 setiap satu pindaan.
- Setelah bayaran diterima, peserta dianggap bersetuju dengan terma & syarat yang dikenakan.

Jejak Vacation Networks Sdn. Bhd.
KPK/LN9300
03-02A Kenwingston Business Center
Persiaran Kreatif , Kenwingston Square Garden Cyber 9
63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia

POLISI PEMBATALAN

- Tiada pemulangan deposit setelah bayaran dibuat tetapi peserta dibenarkan untuk tukar pakej lain (sekali sahaja) dengan syarat **90 hari** dari tarikh trip berlepas.
- Sebarang **pembatalan pakej** diterima seperti berikut :

PEMBATALAN DITERIMA	CAS PEMBATALAN
91 hari> sebelum berlepas	Deposit yang dibayar
46 - 90 hari sebelum berlepas	50% dari jumlah yang dibayar
45 hari sebelum berlepas	100% dari harga pakej dan tiada pemulangan dari pembayaran yang sudah dibuat

Untuk sebarang persoalan dan maklumat lanjut boleh terus hubungi konsultan JVN melalui Whatsapp: Encik Rashid : +6018 391 7948

TERMA DAN SYARAT

- Harga pakej adalah untuk susunan bilik 'double/twin room' hingga 'triple room'. Penambahan kos daripada harga pakej untuk 'single room'.
- Harga pakej bergantung pada bilangan peserta dewasa.
- Semua sebut harga yang ditawarkan diberi di dalam Ringgit Malaysia (RM). Pembayaran dalam matawang lain akan mengikut nilai tukaran semasa.
- Pihak syarikat BERHAK untuk membuat penukaran pada jadual program yang dicadangkan mengikut kesesuaian dan kelancaran pakej
- Sebarang perubahan jadual mungkin berlaku contohnya seperti perubahan pada waktu penerbangan disebabkan oleh faktor cuaca dan sebagainya. Sebarang perubahan yang diminta oleh peserta melibatkan penambahan kos, kos tersebut akan ditanggung oleh peserta.
- Sebarang perubahan waktu penerbangan adalah diluar bidang kuasa kami. Pihak kami TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB jika berlaku perubahan waktu / penangguhan jadual penerbangan.
- Pihak kami BERHAK membuat perubahan pada kadar pertukaran nilai matawang semasa di Jepun atau sebarang peningkatan kos yang ditetapkan kerajaan tempatan atau perubahan nilai cukai ditetapkan.
- Untuk mana-mana perkhidmatan yang disediakan tetapi tidak digunakan oleh peserta, tidak akan dipulangkan dalam bentuk bayaran atau seumpamanya.
- Peserta yang disekat oleh pihak imigresen di lapangan terbang antarabangsa, tambang pakej pelancongan tidak akan dipulangkan dalam bentuk bayaran atau seumpamanya.
- Segala gambar trip yang diambil ketika trip berlangsung oleh tour leader atau tour guide adalah milik Jejak Vacation Networks Sdn Bhd. Jika pihak peserta tidak bersetuju gambar trip digunakan oleh pihak syarikat, peserta perlu maklumkan kepada pihak Syarikat.
- Apabila deposit telah dibuat, dengan ini peserta bersetuju dengan syarat yang telah ditetapkan oleh syarikat.